

**The Sarawak Museum Journal****Vol. XLVII No. 68****December 1997****ISSN: 0375-3050****E-ISSN: 3036-0188**

Citation: Haji Julaihi Haji Bujang. (1997). Sumbangan Budaya Etnik Dalam Pembangunan Masyarakat Melayu. *The Sarawak Museum Journal*, XLVII (68): 241-254

SUMBANGAN BUDAYA ETNIK DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU: KADAYAN

Haji Julaihi Haji Bujang

“Hai manusia, sesungguhnya kami jadikan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu berkenal-kenalan” (Surah Al-Hujurat, ayat 13).

INTRODUCTION

Umum diterima bahawa Sarawak khususnya mempunyai penduduk dari pelbagai kumpulan etnik ataupun kelompok sukuan yang berbeza dari segi ciri-ciri sosio-budaya. Kelainan daerah dan alam sekitar telah melahirkan kelainan dalam perkembangan kebudayaan, organisasi sosial dan tata perlakuan manusia yang menganggotai komuniti yang berkenaan. Namun demikian terdapat juga pandangan bahawa kepelbagaian budaya itu hanyalah satu ‘variation’ (Zainal Kling & Norazit Selat, 1993). Dalam konteks Sarawak, kelainan budaya kumpulan etnik bumiputera yang disebabkan sejarah perkembangan yang berlainan sebenarnya masih terangkum dalam budaya serumpun yang dikenali sebagai rumpun budaya Melayu. Malah dari segi bahasa pula, terdapat banyak persamaan dalam ciri-ciri asas sehinggakan ahli-ahli linguistik menghimpunkan bahasa-bahasa bumiputera di Sarawak ke dalam rumpun Austronesia - ada pertalian kekeluargaan antara bahasa-bahasa bumiputera dan antara bahasa bumiputera dengan bahasa Melayu (Samah, 1993).

SUMBANGAN BUDAYA ETNIK DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU: KADAYAN

oleh

Haji Julaihi Haji Bujang

“Hai manusia, sesungguhnya kami jadikan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu berkenal-kenalan” (Surah Al-Hujurat, ayat 13).

PENDAHULUAN

Umum diterima bahawa Sarawak khususnya mempunyai penduduk dari pelbagai kumpulan etnik ataupun kelompok sukuan yang berbeza dari segi ciri-ciri sosio-budaya. Kelainan daerah dan alam sekitar telah melahirkan kelainan dalam perkembangan kebudayaan, organisasi sosial dan tata perlakuan manusia yang menganggotai komuniti yang berkenaan. Namun demikian terdapat juga pandangan bahawa kepelbagaiannya budaya itu hanyalah satu ‘variation’ (Zainal Kling & Norazit Selat, 1993). Dalam konteks Sarawak, kelainan budaya kumpulan etnik bumiputera yang disebabkan sejarah perkembangan yang berlainan sebenarnya masih terangkum dalam budaya serumpun yang dikenali sebagai rumpun budaya Melayu. Malah dari segi bahasa pula, terdapat banyak persamaan dalam ciri-ciri asas sehingga ahli-ahli linguistik menghimpunkan bahasa-bahasa bumiputera di Sarawak ke dalam rumpun Austronesia – ada pertalian kekeluargaan antara bahasa-bahasa bumiputera dan antara bahasa bumiputera dengan bahasa Melayu (Samah, 1993).

Dalam Simposium Budaya Sarawak II yang lalu, banyak telah diperkatakan mengenai unsur-unsur dan item-item kebudayaan etnik dalam kerangka Kebudayaan Malaysia menjelang tahun 2020. Dalam kertas ini, perbicaraan mengenai etnik Kadayan¹ sebagai satu kelainan daripada budaya serumpun diharap dapat bertindak sama dalam proses pembinaan suatu imej baru, bangsa dan negara khususnya dari perspektif masyarakat Melayu.

Dari segi perbandingan hasil kajian ke atas kumpulan etnik khususnya di Sarawak, pengetahuan kita ke atas masyarakat Kadayan adalah terhad.² Pengkajian etnik yang berbeda serta fahaman mengenai hubungan etnik merupakan bidang kajian yang penting lagi “urgent” (Kimball, 1973; Taib Osman, 1972; Sanib Said, 1992). Malah kajian tersebut dapat menyumbang

untuk menjawab kekaburuan dan kekeliruan berhubung dengan identiti etnik (Babcock, 1974).

Kertas ini cuba melihat sumbangan budaya etnik masyarakat Kadayan dalam pembangunan masyarakat Melayu. Perbicaraan bermula dengan perbincangan mengenai masyarakat dan kebudayaan dari aspek teoritis serta konsep pembangunan, diikuti dengan perbincangan mengenai unsur-unsur kebudayaan masyarakat Kadayan dan sumbangannya terhadap pembangunan masyarakat Melayu.

MASYARAKAT DAN KEBUDAYAAN

Apabila kita membincangkan mengenai masyarakat, maka kita juga akan membincangkan kebudayaan kerana pada hakikatnya masyarakat dan kebudayaan itu saling berkaitan. Ini wujud kerana kebudayaan itu sebagai 'the way of life' akan mempengaruhi keseluruhan hidup individu. Dalam pada itu, individu-individu pula adalah anggota satu-satu masyarakat. Justeru itu, kebudayaan mempunyai hubungan erat dengan masyarakat, kerana tidak akan wujud kebudayaan tanpa adanya masyarakat.

Masyarakat itu pada hakikatnya bukanlah satu objek dan sebagai satu realiti ianya wujud di dalam pemikiran manusia. Lantaran itu masyarakat adalah satu binaan fikiran (*mental construct*). Dengan itu kumpulan manusia bukanlah masyarakat. Umum dituntut bahawa masyarakat terdiri lebih dari seorang individu. Konsep ini langsung tidak menghuraikan konsep masyarakat, kerana konsep yang sedemikian melihat masyarakat itu sebagai satu objek. Tidaklah dinafikan bahawa dalam masyarakat terdapat individu, kelompok-kelompok manusia, institusi, sistem norma dan sistem nilai.

Masyarakat pada konsepnya menekankan aspek perhubungan. Perhubungan yang dipentingkan dalam konsep ini ialah perhubungan-perhubungan yang dijalankan secara berinstitusi. Sistem hubungan antara individu-individu dan antara individu dan kelompok menghasilkan prinsip utama bagi masyarakat itu. Prinsip inilah yang membayangkan struktur masyarakat yang berkenaan. Dari itu dapat disimpulkan bahawa masyarakat terdiri dari sekumpulan manusia yang telah hidup sebeginit lama sehingga di antaranya telah wujud sistem komunikasi yang kompleks dan simbolis dengan terjelmanya interaksi yang terjalin di antara ahli masyarakat. Kalau masyarakat menekankan aspek perhubungan maka kebudayaan menekankan hasil daripada perhubungan masyarakat itu. Kebudayaan juga bukan benda kerana kebudayaan wujud dalam pemikiran masyarakatnya.

Banyak pihak masih merasa kabur dengan erti kebudayaan. Bagi golongan yang kabur ini, kebudayaan disinonimkan dengan kesenian semata-mata.